

Najib pertahan AirAsia, banyak sumbang keuntungan kepada negara
Malaysian Insider
Aug 19 , 2013
Oleh Md Izwan

Datuk Seri Najib Razak mempertahankan syarikat penerbangan tambang rendah AirAsia yang diberi tekanan oleh akhbar milik Umno, Utusan Malaysia dan badan bukan kerajaan (NGO) Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa), serta menegaskan tiada sekatan dikenakan kepada penjawat awam atau rakyat Malaysia untuk menggunakannya.

Perdana Menteri berkata, AirAsia juga penyumbang keuntungan kepada negara dan tindakan untuk memboikotnya bukan sesuatu yang digalakkan.

"Kita tidak boleh sekatan kakitangan awam guna AirAsia.

"AirAsia pun syarikat orang Malaysia dan milik rakyat Malaysia, sebahagian besar di mana keuntungan AirAsia juga keuntungan kepada negara kita," kata Najib dalam sidang media di Kementerian Kewangan apabila ditanya mengenai kakitangan awam yang menggunakan AirAsia tetapi tidak memilih syarikat penerbangan negara Malaysia Airlines (MAS). - 19 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-pertahan-airasia-banyak-sumbang-keuntungan-kepada-negara>